Dua benteng pecah

SABAK BERNAM - Ban Tebuk Mendeling sepanjang 80 meter runtuh dan terjejas berikutan fenomena air pasang besar yang berlaku petang kelmarin dan awal pagi semalam.

Komander Operasi Pengurusan Banjir Daerah Sabak Bernam, Superintendan Nor Azmi Isa berkata, walaupun berlaku runtuhan ban dan limpahan air laut, kawasan penempatan penduduk tidak terjejas dan berada dalam keadaan selamat serta terkawal.

"Selain Ban Tebuk Mendeling, Ban Sungai Air tawar turut pecah menyebabkan air memenuhi di parit borrow pit dan tanah kosong bersebelahan parit tersebut.

"Bagaimanapun, keadaan terkawal kerana tindakan awal JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) mengepam dan mengosongkan parit dapat menampung air laut yang melimpah masuk," katanya.

Menurutnya, pam banjir JPS beroperasi dengan lancar sepanjang air pasang sehingga pintu air Tebuk Mendeling dibuka bagi mengepam keluar limpahan air tersebut.



Ban Tebuk Mendeling sepanjang 80 meter dilaporkan pecah dan rosak berikutan fenomena air pasang besar.

"Buat masa ini, pihak JPS sedang membuat pemantauan. Kerja penambakan semula tidak dapat dibuat kerana tanah masih lembut.

"JPS telah memasang pam air bagi menyalurkan air keluar dari kawasan ke PPRT (Projek Perumahan Rakyat Termiskin) Sungai Tengar," katanya.

Difahamkan, JPS akan membina mini ban di kawasan PPRT Sungai Tengar bagi menyekat laluan air dari parit borrow pit, selain satu pam air akan dipasang bagi mengalirkan air keluar.

Limpahan air laut turut dilaporkan berlaku di kawasan Pantai Bagan Nakhoda Omar, Dataran Batu 23, Ban Sungai Apong, Ban Sungai Lang, persekitaran Pekan Sabak Bernam dan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Burong.

Menurut Nor Azmi, sehingga jam 12 tengah semalam, belum ada penduduk yang dipindahkan ke pusat pemindahan mangsa banjir.

"Dua pusat pemindahan telah dibuka dan mula beroperasi sejak jam 2 petang kelmarin," katanya.